# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 6 JULAI 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4. | K'JAAN PERUNTUK RM10 JUTA PERKASA PENGURUSAN PEROSAK BERSEPADU DALAM RMK-12, BORNEO POST -ONLINE<br>MINISTER: YOUNG AGROPRENEURS URGED TO SEIZE OPPORTUNITIES IN MALAYSIA'S ESSENTIAL OIL INDUSTRY, MALAY MAIL -ONLINE<br>FISHERMEN RECEIVED RM42M IN FIVE MONTHS, NEWS IN BRIEF, NST -11<br>RM42MIL AID DISTRIBUTED IN FIRST 5 MONTHS, NEWS, SIN CHEW DAILY (EAST COAST) -2 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA) |
| 5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10.<br>11.<br>12.<br>13.<br>14. | LAWATAN RONALD KE JOHOR DAN MELAKA, NASIONAL, SH -7<br>LAPAN RENJER, EMPAT PEMUNGUT TELUR PENYU BERLESEN TERIMA WATIKAH, NASIONAL, SH -8<br>MARDI KUALA LINGGI HASIL PATI HERBA, LOKAL, HM -17<br>PATI HERBA MARDI BERPOTENSI DIPASAR KE LUAR NEGARA, NASIONAL, BH -16<br>USAHAWAN DIGESA REBUT PELUANG INDUSTRI MINYAK: KIANDEE, BORNEO POST -ONLINE<br>YOUNG AGROPRENEURS URGED TO SEIZE OPPORTUNITIES IN ESSENTIAL OIL INDUSTRY, BORNEO POST -ONLINE<br>AGRICULTURE MINISTER HOPES MORE ENTREPRENEURS JOIN ESSENTIAL OIL SECTOR, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3<br>AGRICULTURE MINISTER: ENTREPRENEURS SHOULD JOIN ESSENTIAL OIL SECTOR, NATION, SIN CHEW DAILY -4<br>POTENSI BESAR INDUSTRI MINYAK PATI, NASIONAL, SH -6<br>MARDI BANTU USHAWAN KOMERSIAL PRODUK, NASIONAL, SH -6 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 15.<br>16. | KESEDAR BANTU USAHAWAN LUAR BANDAR, NASIONAL, SH -5<br>USAHAWAN TUDUNG BERJAYA HASIL BANTUAN KESEDAR, NASIONAL, SH -5 | AGROBANK |
| 17.<br>18.<br>19. | PETUNJUK GEOGRAFI TENTUKAN HAL DI SEBALIK NAMA HARUMANIS PERLIS, MINDA PEMBACA, BH -13<br>PNK BINTULU, SHOPEE PARTNERSHIP SET TO OPEN SEA OPPORTUNITIES' FOR OVER 700 FISHERMEN, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -11<br>430 PENEROKA FELDA CHINA 1 TANAM SAYUR, SINAR NEGERI SELANGOR/KL/PAHANG, SH -25 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2020 | BORNEO POST | ONLINE | |

# K'jaan peruntuk RM10 juta perkasa pengurusan perosak bersepadu dalam RMK-12



JOHOR BAHRU: Kerajaan memperuntukkan RM10 juta bagi memperkasa projek pengurusan perosak bersepadu (IPM) di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan makanan di negara ini dan juga untuk eksport, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata peruntukan itu adalah peningkatan berbanding RM2.5 juta yang diperuntukkan dalam RMK-11.

"IPM harus dijadikan amalan bagi penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran di negara kita, seiring hasrat kita menjadikan negara sebagai pengeksport buah dan sayuran secara premium yang mempunyai sijil myGAP," katanya kepada pemberita selepas melawat dan merasmikan ruang pameran IPM di Taman Pertanian Johor, Kong Kong, Pasir Gudang, dekat sini baru-baru ini.

Terdahulu dalam ucapannya, Kiandee berkata Malaysia menerima 800 notifikasi daripada Singapura, Jepun, Jerman dan Taiwan setiap tahun berkaitan sisa baki racun perosak melebihi paras dibenarkan ke atas produk makanan yang dieksport ke negara-negara berkenaan, sekali gus turut memberi gambaran negatif tentang jaminan keselamatan dan kualiti hasil pertanian Malaysia.

Sehubungan itu, katanya promosi sistem IPM akan diperhebat bagi memastikan jumlah notifikasi produk pertanian Malaysia dikurangkan selain meningkatkan kualiti dan jaminan keselamatan untuk keperluan eksport.

"Sebenarnya, impak utama yang disasarkan kerajaan menerusi sistem IPM ini ialah rakyat dapat menikmati hasil pertanian di pasaran tempatan yang selamat untuk dimakan dan berkualiti kerana bebas daripada pencemaran racun berbahaya.

"Makanan selamat juga adalah satu daripada elemen penting sebagaimana yang ditetapkan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) untuk menilai kedudukan sekuriti makanan dalam sesebuah negara," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata kerajaan telah membelanjakan lebih RM5 juta dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini bagi aktiviti kawalan dan pemusnahan makhluk perosak di seluruh negara.

Menurutnya ini kerana tanaman di Malaysia diserang pelbagai jenis perosak invasif antaranya kumbang merah palma pada tanaman kelapa, *'bacterial panicle blight'* terhadap tanaman padi dan *'fall armyworm'* pada tanaman jagung.

"Tiga perosak ini membawa kerugian hampir RM10 bilion kepada bukan sahaja hasil tanaman tetapi juga perdagangan," katanya. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2020 | MALAY MAIL | ONLINE | |

# Minister: Young agropreneurs urged to seize opportunities in Malaysia's essential oil industry



Datuk Seri Ronald Kiandee speaks during a press conference in Parliament April 11, 2019. — Picture by Miera Zulyana

ALOR GAJAH, July 5 — Young agropreneurs in the country should seize opportunities in the essential oil market which is seen to have great potential to grow, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Kiandee said.

He said the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) had been providing various assistance, including setting up an essential oil production facility at the Kuala Linggi Mardi Station to help entrepreneurs venture into the essential oil market.

He said demand for essential oils produced by this Mardi Station had been well received overseas including the Australian market, adding that various programmes are being organised by Mardi to help agropreneurs explore the industry.

"Malaysia has great potential in the herbal industry especially in essential oils. With technology, financial and other forms of assistance from the government through Mardi, I believe more Malaysian entrepreneurs would seek opportunities in this field or even export their essential oils overseas.

"The herbs can be processed to produce a variety of products such as soaps, lotions and so forth. As such, we hope more entrepreneurs would develop products based on Mardi research findings," he told reporters here today.

Earlier, Kiandee toured the essential oil production facility at the Kuala Linggi Mardi Station accompanied by Deputy Minister 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Meanwhile, according to a Mardi media statement, this year alone 79 entrepreneurs attended courses and trainings at the Mardi Essential Oil Incubator at the Kuala Linggi Station and from 2016 the station has produced 169 young agropreneurs.

The Mardi Essential Oil Incubator was launched in June 2009 to provide incubators for the processing of herbs and production of essential oils and to provide training to soap and essential oil entrepreneurs. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/7/2020 | NST | NEWS IN BRIEF | 11 |

# Fishermen received RM42m in five months

**TUMPAT:** The government spent more than RM42 million on cost-of-living aid for fishermen in the first five months of this year. Deputy Agriculture and Food Industry Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi said the monthly allowance of RM250 was disbursed by the Malaysian Fisheries Development Board. "The government has spent RM1.2 million in Kelantan until May on the cost-of-living aid for fishermen to reduce their burden. The government, through the board, has disbursed various forms of aid for fishermen, such as cost-of-living aid, diesel and petrol subsidies, natural disaster aid and aid for fishermen's welfare." **Bernama**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | RM42mil aid distributed in first 5 months | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily (East Coast) | | |
| Date | 06 Jul 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 8,439 |
| Page No | 2 | Readership | 25,317 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 161 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 488 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,464 |





仄阿都拉（左二）移交农耕福利活动的工具给受惠者

## 仄阿都拉：助漁民渡難關

# 首5月共發4200萬援金

（道北5日讯）农业及食品工业部副部长拿督仄阿都拉指出，在今年首5个月，政府一共发出了4200万令吉给渔民作为生活援助金。

他说，这个每月250令吉的援助金是通过大马渔业发展局发给受惠者。单单在吉兰丹就发出了120万令吉，以协助渔民们度过难关。

除了生活援助金，他表示，政府还通过该局发放汽油和柴油津贴、天灾援助金和福利金。

大马渔业发展局除了提供捕鱼工具给渔夫，也协助他们参与制作鱼饼、鱼露和相关的饮食业。

仄阿都拉是在道北出席一项活动时，这么表示。

另一方面，他表示，政府目前准备通过一项农耕福利活动造福1000名参与者，这项活动将发出1000万令吉。受惠人是月均收入不超过2614令吉的家庭，并已经是在eKasih注册的人。

参与者的年龄最好在18至60岁之间。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2020 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 7 |

# Lawatan Ronald ke Johor dan Melaka

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee mengadakan lawatan kerja rasmi ke Johor dan Melaka bermula 2 Julai sehingga semalam.

Antara lokasi yang dilawat semasa ke Johor ialah Projek Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) di Taman Pertanian Johor, Pasir Gudang; Ladang Pusat Pengumpulan dan Eksport Kulim Pineapple Ulu Tiram; Pusat Pertanian Moden dan Ladang Penternakan Lembu (PTR) di Kluang dan Syarikat Kia Shing Importers & Exporters Sdn Bhd di Batu Pahat.

Sementara itu pada 4 Julai pula, lawatan rasmi itu diteruskan di Melaka dan Kolam Udang Harimau Persatuan Nelayan di Sebatu, Sungai Rambai menjadi destinasi pertama sebelum beliau melawat sawah di Parit Penghulu; Taman Hidroponik di Sungai Rambai; Projek Perumahan Rakyat (PPR) Tehel, Bukit Katil; Pusat Penetasan Penyu dan Padang Kemunting Masjid Tanah, Melaka.

Lawatan kerja rasmi ke dua negeri itu berakhir semalam dengan lawatan ke Institut Teknologi Unggas, Masjid Tanah dan kilang penyulingan minyak pati di Stesen Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Kuala Linggi.



Ronald melawat Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Kemunting, Pengkalan Balak, Melaka kelmarin.




Ronald (tiga dari kanan) menyampaikan replika cek kepada wakil penduduk PPR Tehel Melaka.



Ronald (tiga dari kanan) dan timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua dari kanan) meninjau tapak tanaman fertigasi cili yang diusahakan Komuniti Rukun Tetangga Taman Pulai Indah sempena lawatan kerjanya di Melaka.



Ronald (kiri) melihat proses membuat sabun herba serai wangi di MARDI Kuala Linggi, Melaka semalam.




Ronald merasmikan Melita Hut di Kulim Pineapple Farm (KPF) di Ulu Tiram, Johor pada 2 Julai lalu.



Ronald (kanan) melihat lembu yang diternak di ladang Projek Pertanian Moden (PPM) Jalan Kluang-Mersing, Johor.




Ronald (tengah) menyempurnakan simbolik perasmian Showroom IPM di Taman Pertanian Johor, Pasir Gudang pada 2 Julai lalu.



Ronald (tiga dari kiri) melihat produk buah kering ketika mengunjungi syarikat Kia Shing Importers & Exporters di Parit Sulong, Johor.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/7/2020 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 8 |

# Lapan renjer, empat pemungut telur penyu berlesen terima watikah

**MELAKA** - Seramai lapan renjer dan empat pemungut telur penyu berlesen menerima watikah bagi mengutip telur penyu di sepanjang pantai pendaratan penyu di Melaka.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, terdapat 19 lokasi pendaratan penyu di negeri itu yang mencatatkan sebanyak 548 pendaratan bagi tahun 2019.

Menurutnya, bagi bilangan telur penyu pula, sebanyak 66,695 biji telur telah berjaya dikutip dan sebanyak 36,759 ekor anak penyu berjaya dilepaskan.

"Pusat konservasi dan penerangan penyu ini sangat penting dalam memastikan proses penetasan, pemulih-araan dan penyelidikan di Melaka, selain melindungi spesies penyu yang terancam.

"Khazanah laut yang sangat bernilai ini telah disenaraikan sebagai spesies terancam di bawah Appendix I oleh *Convention of International Trade in Endagered Spesies* (CITES) dan *critically endangered* di bawah *IUCN Red List of Threatened Species.*

"Kita berharap pelantikan renjer ini dapat memantau serta membuat rondaan di sepanjang pantai pendaratan penyu agar tidak diganggu," katanya selepas melawat Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Kemunting, Pengkalan Balak di sini kelmarin.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Exco Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Melaka, Datuk Norhizam Hassan Baktee.

Ronald berkata, Melaka merupakan lokasi utama pendaratan penyu karah yang dianggap khazanah laut berharga.

"Saya sangat berbangga dan menyokong usaha Jabatan Perikanan Malaysia dalam mendepani cabaran untuk memulihara spesies yang diancam kepupusan ini dan dalam masa yang sama kita juga tidak boleh menolak era pembangunan dilakukan kerajaan negeri," katanya.

Pada program tersebut, Jabatan Perikanan Malaysia turut memberi Bantuan Bencana Banjir kepada seramai 11 penternak akuakultur di Melaka yang terjejas akibat bencana banjir pada tahun 2018 dan 2019.

Seramai enam penternak yang mengalami kerugian di bawah RM10,000 menerima bantuan sebanyak RM1,000 manakala lima penternak yang mengalami kerugian melebihi RM10,000 menerima bantuan sebanyak RM3,000.

Kedua-dua bantuan itu diberikan dalam bentuk input makanan ikan.



Ronald (empat dari kiri) melawat Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Kemunting, Pengkalan Balak, Melaka kelmarin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/7/2020 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 6 |

# Potensi besar industri minyak pati

## MARDI sediakan banyak bantuan galak penyertaan agropreneur muda

Oleh NORAFIDAH ASSAN

ALOR GAJAH

Usahawan di negara ini khususnya agropreneur muda digesa merebut peluang perniagaan dalam industri minyak pati yang dilihat berpotensi besar untuk dikembangkan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menyediakan banyak bantuan untuk membantu usahawan meneroka industri minyak pati malah Stesen MARDI Kuala Linggi di sini mempunyai fasiliti penghasilan minyak pati yang boleh dimanfaatkan usahawan.

Menurutnya, minyak pati yang dihasilkan sendiri oleh Stesen MARDI Kuala Linggi mendapat permintaan hingga ke pasaran luar negara antaranya Australia malah MARDI mempunyai pelbagai program bagi melahirkan lebih ramai usahawan agropreneur bagi meneroka industri itu.

"Malaysia punya potensi besar dalam industri herba terutama dalam minyak pati ini. Dengan bantuan teknologi, dana dan sebagainya yang diusahakan oleh kerajaan melalui MARDI, saya percaya akan lahir lebih ramai usahawan Malaysia yang mampu ceburi bidang ini malah mengeksport minyak pati ke luar negara.

"Herba-herba seperti ini boleh diproses untuk menghasilkan pelbagai produk seperti sabun, losyen dan sebagainya. Kita harap lebih ramai usahawan dapat ceburi perniagaan hasil daripada dapatan kajian daripada MARDI," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Sebelum itu beliau meninjau sendiri penghasilan minyak pati di Stesen MARDI Kuala Linggi pada lawatan yang turut dihadiri Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Sementara itu, menurut kenyataan media MARDI, seramai 79 usahawan telah mengikuti kursus dan latihan di Inkubator Minyak Pati MARDI di Stesen MARDI Kuala Linggi itu sepanjang tahun ini dan stesen itu telah melahirkan 169 usahawan agropreneur muda sejak tahun 2016 hingga tahun lepas.

Inkubator Minyak Pati MARDI dilancarkan pada 16 Jun 2009 bertujuan menyediakan ruang inkubator serta melatih usahawan minyak pati dan sabun selain sebagai tempat kajian serta pemprosesan herba.



Ronald (depan kiri) melihat produk yang dihasilkan di MARDI Kuala Linggi, Melaka semalam.



Ronald (kiri) melihat produk minyak pati yang banyak digunakan dalam produk kosmetik.



Ronald (dua dari kiri) melawat kilang Inkubator Minyak Pati di MARDI Kuala Linggi, Melaka semalam.

## MARDI bantu usahawan komersial produk



NORASMAH



MOHAMAD ROZI

ALOR GAJAH - Teknologi pemprosesan produk berasaskan minyak pati yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) Kuala Linggi di sini memberi peluang kepada usahawan tempatan mengkomersialkan produk masing-masing.

Peserta inkubator MARDI Kuala Linggi, Norasmah Abd Ghani, 57, berkata, minat yang mendalam terhadap herba mendorongnya menjadi peserta Inkubator MARDI.

"Saya menghasilkan produk berasaskan minyak pati dalam bentuk sabun, gel mandian, syampu dan penyembur yang diperbuat daripada minyak serai.

"Sudah lapan tahun saya menghasilkan produk bersama teknologi MARDI. Sambutannya menggalakkan berikutan terdapat pelbagai khasiat yang ada dalam setiap produk yang dihasilkan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Pemilik Syarikat Janji Jitu Sdn Bhd itu turut gembira kerana diberi peluang untuk mengkomersialkan produknya.

"Besar harapan saya supaya produk ini terus berkembang dan dengan adanya teknologi daripada MARDI sekali gus ia dapat memasarkan produk saya sehingga pasaran luar," katanya yang turut dibantu oleh anaknya, Muhammad Danial Ibrahim, 25.

Sementara itu, seorang lagi usahawan di Inkubator MARDI Kuala Linggi, Mohamad Rozi Mohamad Nugelah, 52, berkata, Essfa Agriculture Sdn Bhd yang diusahakannya merupakan syarikat terawal di Malaysia yang berjaya menghasilkan minyak pati berkualiti memenuhi kualiti piawaian antarabangsa.

"Pasaran minyak pati yang dihasilkan kini telah menembusi pasaran Itali manakala rangkaian produk daripada minyak pati ini telah berjaya dipasarkan sehingga ke Turki dan Myanmar. Pasaran di Bangladesh pula dalam proses perbincangan.

"Sepanjang bersama MARDI, banyak kelebihan dan kebaikan yang saya peroleh. Daripada saya tidak tahu teknologi *know how*, produk *know how*, sehingga hari ini saya boleh jelaskan apa itu minyak pati, apa itu minyak aroma dan apa khasiat setiap jenis minyak pati," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |

# Mardi Kuala Linggi hasil pati herba

**Melaka**: Pati pelbagai herba yang dimajukan melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) Kuala Linggi, Melaka berpotensi untuk dipasarkan ke luar negara.

Ini kerana setakat ini herba berkenaan hanya ditanam di negara ini khususnya di Mardi dan terbukti mampu menghasilkan pelbagai produk berkaitan penjagaan diri.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, usahawan tempatan tidak seharusnya memperkecilkan kemampuan Mardi Kuala Linggi menghasilkan pati pelbagai herba yang diproses menjadi bermacam produk yang mampu dikomersialkan.

Katanya, sebaliknya mereka harus menyokong penghasilan pati berkenaan bukan setakat menghasilkan produk untuk pasaran tempatan, malah memasarkan pati itu sendiri ke pasaran antarabangsa.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2020 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 16 |

# Pati herba MARDI berpotensi dipasar ke luar negara

**Alor Gajah:** Pati pelbagai herba dimajukan melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Kuala Linggi, di sini berpotensi dipasarkan ke luar negara.

Setakat ini herba itu hanya ditanam di MARDI berkenaan dan terbukti mampu menghasilkan pelbagai produk berkaitan penjagaan diri.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata usahawan tempatan tidak harus memperkecilkan kemampuan MARDI Kuala Linggi menghasilkan pati pelbagai herba yang diproses menjadi pelbagai produk dan mampu dikomersialkan.

Beliau berkata, usahawan harus menyokong penghasilan pati berkenaan bukan setakat untuk menghasilkan produk dan pasaran tempatan, malah memasarkannya ke peringkat global.

"Hanya ada satu MARDI di negara ini yang menghasilkan pati daripada herba dan ia berpotensi besar untuk dipasarkan ke luar negara," katanya selepas melawat pemprosesan pati herba di MARDI Kuala Linggi, dekat sini, semalam.

MARDI Kuala Linggi seluas 12 hektar memiliki kawasan penanaman pelbagai jenis herba seperti serai wangi, serai biasa, kayu gelam, resam, paku, nilam, kayu manis, limau kasturi, limau purut dan *lemon myrtle* serta *T tree* dari Australia.

Contohnya, pati serai wangi boleh diproses menjadi bahan penting untuk menghasilkan minyak wangi, sabun, krim pelembut, pengawal serangga dan minyak urut.

Ronald mahu lebih ramai usahawan tempatan menyertai skim inkubatı MARDI yang membimbing aspek penyelidikan serta penghasilan produk dengan menyediakan kursus secara berkala dengan bayaran munasabah.

Terdahulu, Ronald menghabiskan kira-kira sejam melawat Institut Teknologi Unggas (ITU) di Masjid Tanah bagi meninjau operasi institut itu melaksanakan penyelidikan mengenai ayam kampung, ayam daging dan burung puyuh serta melatih belia yang berminat menjadi usahawan dalam perniagaan itu.

Mengenai ITU, Ronald meminta belia memanfaatkan peluang disediakan di institut berkenaan.



**Ronald (kanan)** *melihat proses penyulingan pati minyak dari daun lemon myrtle ketika lawatan ke MARDI Kuala Linggi, semalam.* (Foto BERNAMA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2020 | BORNEO POST | ONLINE | |

# Usahawan digesa rebut peluang industri minyak pati: Kiandee



REBUT PELUANG: Ronald (depan, dua kiri) menghidu aroma air dari daun lemon myrtle yang sudah diproses semasa mengadakan lawatan ke Kilang Penyulingan Pati Minyak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Kuala Linggi, Alor Gajah semalam. Turut hadir Timbalannya Datuk Seri Ahmad Hamzah (tengah). — Gambar Bernama

ALOR GAJAH: Usahawan di negara ini khususnya usahawan agropreneur muda digesa merebut peluang perniagaan dalam industri minyak pati yang dilihat berpotensi besar untuk dikembangkan, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menyediakan banyak bantuan untuk membantu usahawan meneroka industri minyak pati, malah Stesen MARDI Kuala Linggi di sini mempunyai fasiliti penghasilan minyak pati yang boleh dimanfaatkan usahawan.

Katanya permintaan minyak pati yang dihasilkan sendiri oleh Stesen MARDI Kuala Linggi mendapat permintaan hingga ke pasaran luar negara antaranya Australia, malah MARDI mempunyai pelbagai program bagi melahirkan lebih ramai usahawan agropreneur bagi meneroka industri itu.

"Malaysia punya potensi besar dalam industri herba terutama dalam minyak pati ini. Dengan bantuan teknologi, dana dan sebagainya yang diusahakan oleh kerajaan melalui MARDI, saya percaya akan lahir lebih ramai usahawan Malaysia yang mampu ceburi bidang ini malah mengeksport minyak pati ke luar negara.

"Herba-herba seperti ini boleh diproses untuk menghasilkan pelbagai produk seperti sabun, losyen dan sebagainya. Kita harap lebih ramai usahawan dapat ceburi perniagaan hasil daripada dapatan kajian daripada MARDI," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu beliau meninjau sendiri penghasilan minyak pati di Stesen MARDI Kuala Linggi pada lawatan yang turut dihadiri Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Sementara itu, menurut kenyataan media MARDI, seramai 79 usahawan telah mengikuti kursus dan latihan di Inkubator Minyak Pati Mardi di Stesen MARDI Kuala Linggi itu sepanjang tahun ini dan stesen itu telah melahirkan 169 usahawan agropreneur muda sejak 2016 hingga tahun lepas.

Inkubator Minyak Pati Mardi itu telah dilancarkan pada 16 Jun 2009 bertujuan menyediakan ruang inkubator serta melatih usahawan minyak pati dan sabun; selain sebagai tempat kajian serta pemprosesan herba. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2020 | BORNEO POST | ONLINE | |

# Young agropreneurs urged to seize opportunities in essential oil industry



*Kindee (front, second left) testing the smell of lemon myrtle leaves which has been processed during his visit at Mardi, Kuala Linggi, while Ahmad (centre) looks on. — Bernama photo*

ALOR GAJAH: Young agropreneurs in the country should seize opportunities in the essential oil market which is seen to have great potential to grow, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said.

He said the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) had been providing various assistance, including setting up an essential oil production facility at the Kuala Linggi Mardi Station to help entrepreneurs venture into the essential oil market.

He said demand for essential oils produced by this Mardi Station had been well received overseas including the Australian market, adding that various programmes are being organised by Mardi to help agropreneurs explore the industry.

"Malaysia has great potential in the herbal industry especially in essential oils. With technology, financial and other forms of assistance from the government through Mardi, I believe more Malaysian entrepreneurs would seek opportunities in this field or even export their essential oils overseas.

"The herbs can be processed to produce a variety of products such as soaps, lotions and so forth. As such, we hope more entrepreneurs would develop products based on Mardi research findings," he told reporters here yesterday.

Earlier, Kiandee toured the essential oil production facility at the Kuala Linggi Mardi Station accompanied by Deputy Minister 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Meanwhile, according to a Mardi media statement, this year alone 79 entrepreneurs attended courses and training at the Mardi Essential Oil Incubator at the Kuala Linggi Station and from 2016 the station has produced 169 young agropreneurs.

The Mardi Essential Oil Incubator was launched in June 2009 to provide incubators for the processing of herbs and production of essential oils and to provide training to soap and essential oil entrepreneurs. — Bernama

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture minister hopes more entrepreneurs join essential oil sector | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 06 Jul 2020 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 493 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,201 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 18,603 |





罗纳建迪（左）仔细观赏由草药原料提炼的精油与其他产品。

# 农长：MARDI技术支援
# 盼更多企业家投入精油业

（马六甲5日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪博士指出，精油发展潜能大，希望通过大马农业发展研究机构（MARDI）的技术与设备等援助，让更多企业家加入精油领域。

他说，甲瓜拉宁宜的大马农业发展研究院，拥有提炼及生产精油设备，有不少青年及新企业家使用该院的研发成果与设备来生产精油，并推出市场商业化。

"甚至有来自澳洲的企业家来这里买精油，及使用该精油提炼厂设备，生产草药产品，并出口到国外。"

对此，他说，在大马农业发展研究机构的技术与设备的援助下，我国拥有很大潜能来开拓草药精油市场，希望有更多的企业家投入精油领域。

罗纳建迪今日到瓜拉宁宜大马农业发展研究机构官访后，在记者会上，这样指出。

出席嘉宾包括农业及食品工业副部长拿督斯里阿末韩沙、甲州掌管农业事务行政议员拿督诺依占、瓜拉宁宜区州议员拿督威拉依斯迈等。

罗纳建迪指出，精油生产及提炼对本地企业家来说，是相当新的技术，并呼吁对精油领域有兴趣的企业家能够加入这个具备良好潜能的领域。

"虽然目前只有一个精油提炼站，但我们更注重企业家的栽培，以及提供给他们的设备与研发成果。"

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture minister: Entrepreneurs should join essential oil sector | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 06 Jul 2020 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 4 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 201 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,091 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 18,273 |





罗纳建迪（左二）了解精油产品

## 農長：市場前景佳
# 企業家應投入精油領域

（马六甲5日讯）农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪表示，精油在马来西亚的市场前景佳，他希望在大马农业研究与发展局（MARDI）的协助下，能够增加更多精油领域的企业家。

他说，该局在甲州设有生产及提炼精油的设备，不少新的企业家利用有关设备来生产精油。

### 甲州设提炼精油设备

“有的企业家甚至是来自澳洲，他们使用这里的设备生产草药等产品后，出口到国外。因此，相信马来西亚的精油未来有很好的潜力。”

他今午前往瓜拉宁宜的大马农业研究与发展局参访后，在新闻发布会指出，精油提炼在马来西亚属于新的领域技术，希望有更多的企业家加入此具有发展潜能的领域。

“除了草药精油以外，目前主要产品有柠檬香桃、香茅等精油，该局也会多方面专研、发展不同植物精油。”

他指出，该局目前在马来西亚只有一个精油提炼站，而该局更专注于培养企业家，提供设备给有需要的企业家们。

此外，罗纳建迪也到访家禽工艺学院（ITU）。他说，家禽工艺学院着重培训学生于鸵鸟与家禽的饲养知识，经过了18个月的培训后，将获得该院文凭。

出席者包括农业及食物工业部副部长拿督斯里阿末韩查、甲州农业、农机工业、企业发展及合作社委员会主席拿督诺依占等。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2020 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 5 |

# Kesedar bantu usahawan luar bandar

## Jalin kerjasama dengan Agrobank beri pembiayaan kembang perniagaan

Oleh ROSMIZA KASIM

GUA MUSANG



Iskandar Zurkarnain (dua dari kiri) dan Syed Ibrahim (dua dari kanan) melihat kontrak perjanjian yang ditandatangani di Dewan Merak Kesedar Hotel Travel & Tours, Gua Musang semalam.

Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) terus memperkasakan usahawan luar bandar dengan menyediakan suntikan dana pembiayaan menerusi kerjasama dengan Agrobank.

Pengerusi Kesedar, Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz berkata, Perjanjian Rakan Niaga Strategik antara Kesedar dengan Agrobank dapat membantu usahawan di bawah seliaan mendapatkan pembiayaan bagi mengembangkan perniagaan.

Menurutnya, kebanyakan usahawan kawasan Kelantan Selatan memulakan perniagaan dengan modal sendiri dalam jumlah yang kecil.

"Apabila perniagaan telah maju dan mencapai tahap pengembangan dari segi pertambahan produktiviti maka keperluan mesin, peralatan dan modal pusingan memerlukan sumber kewangan yang besar.

"Jadi dengan adanya perjanjian ini ia akan membuka peluang kepada usahawan mengembangkan perniagaan dengan mendapat manfaat 70 peratus pinjaman dan 30 peratus adalah geran.

"Kesedar sentiasa proaktif dalam membantu meningkatkan pendapatan usahawan termasuklah mencari jalan untuk memulihkan ekonomi mereka pada pasca pandemik koronavirus (Covid-19)," katanya.

Sebelum itu, beliau menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Rakan Niaga Strategik di antara Kesedar dengan Agrobank di Dewan Merak Kesedar Hotel Travel & Tours di sini semalam.

Perjanjian ditandatangani antara Pengurus Besar Kesedar, Iskandar Zurkarnain Ibrahim dan Pengarah Wilayah Agrobank Kelantan dan Terengganu, Syed Ibrahim Syed Mohd yang turut disaksikan Ketua Pegawai Strategik Agrobank, Mohamad Taufik Mahamad Zakaria.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Datuk Nazran Muhammad yang juga Ahli Lembaga Pengarah Kesedar.

Nik Mohamad Abduh berkata, sejak tahun 1989 Kesedar telah membantu kumpulan terbabit dan sehingga kini seramai 107 usahawan mendapat manfaat daripada pembiayaan melibatkan pembelian mesin dan input pertanian.

Katanya, menyedari keperluan usahawan untuk meningkatkan kebolehpasaran, ketersediaan dan kesinambungan produk luar bandar maka Kesedar pada tahun ini bersetuju menandatangani perjanjian bagi mengembangkan perniagaan dengan jumlah pembiayaan ditingkatkan kepada RM100,000.

"Saya mengharapkan kaedah ini dapat meningkatkan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada pendapatan sedia ada selain tingkatkan kebolehpasaran produk supaya lebih berdaya saing dan meluaskan pasaran.

"Ia juga dilihat mampu melahirkan usahawan berdaya saing dan komited terhadap pengurusan kewangan dan bayaran balik pinjaman," kata beliau.

Sementara itu, Mohamad Taufik berkata, dengan termeterainya perjanjian itu ia akan terus membuka lebih banyak peluang kepada usahawan di Kelantan serta ekosistemnya untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka pada masa yang mencabar.

"Inisiatif ini adalah tepat pada masanya untuk menyokong perusahaan kecil dan utama di Kelantan terutamanya yang terjejas oleh Covid-19.

"Ia sejajar dengan fokus Agrobank iaitu untuk terus menyokong komuniti yang kurang mendapat liputan dan terpinggir sekali gus meningkatkan status sosioekonomi komuniti agro," katanya.



Syed Ibrahim (duduk dua dari kanan) dan Iskandar Zurkarnain (duduk dua dari kiri) menandatangani perjanjian sambil disaksikan Nik Mohamad Abduh (kiri) dan Mohamad Taufik (kanan) di Gua Musang semalam.

## Usahawan tudung berjaya hasil bantuan Kesedar

JELI - Pandemik koronavirus (Covid-19) telah memberi kesan yang amat besar kepada semua sektor termasuk ekonomi negara susulan banyak syarikat mengalami kerugian ekoran pengecilan, penutupan dan penggabungan syarikat.

Covid-19 memberi kesan kepada usahawan bimbingan Kesedar yang menjalankan perniagaan secara *offline* menyebabkan mereka perlu memikirkan alternatif untuk meningkatkan jualan produk mereka.

Namun situasi berbeza berlaku kepada usahawan Kesedar iaitu Pengasas Liz Dania Collection, Hamdan Ali yang beruntung kerana dikurniakan rezeki sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa 18 Mac lalu.

Hamdan berkata, bermula minggu kedua PKP, permintaan terhadap tudung awning keluarannya meningkat menerusi jualan atas talian sekaligus beliau mampu menambah pekerja dan membayar gaji lima kakitangannya seperti biasa dalam tempoh PKP.

Bagaimanapun, usahawan muda Kesedar berusia 37 tahun itu memberitahu, kejayaan yang dikecapinya tidak datang bergolek sebaliknya berbekalkan kesungguhan, pengorbanan dan komitmen tinggi selain bijak menggunakan peluang bagi menjayakan perniagaan selain sokongan Kesedar.

"Saya memulakan perniagaan pada tahun 2011 setelah berhenti kerja di Pulau Pinang dan ketika itu saya hanya berniaga kecil-kecilan dengan menumpang di kaki lima kedai milik orang lain selama setahun.

"Saya jadikannya sebagai cabaran, lama-kelamaan berkat kesungguhan dan bantuan daripada Kesedar, saya dapat menyewa dan membuka butik sendiri dengan menjual pelbagai jenis tudung sebagai ejen dan *reseller*," katanya.

Mempromosikan produk di Facebook LizDaniaCollection hasil bimbingan kursus pemasaran yang dianjurkan oleh Kesedar, beliau berjaya memasarkan produk ke seluruh Malaysia selain Brunei.



Hamdan menunjukkan rekaan tudung yang semakin diminati wanita di seluruh negara di butiknya di Jeli semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/7/2020 | BERITA HARIAN | MINDA PEMBACA | 13 |

# Petunjuk geografi tentukan hak di sebalik nama Harumanis Perlis

**Harumanis** Perlis sekali lagi menjadi tumpuan. Kali kali ini, fokus perbincangan lebih tertumpu kepada penggunaan nama Harumanis Perlis.

Isu ini sebenarnya berkaitan dengan petunjuk geografi, iaitu salah satu cabang undang-undang harta intelek di bawah Akta Petunjuk Geografi 2000.

Petunjuk Geografi adalah satu mekanisme untuk memaklumkan kepada orang awam bahawa sesuatu produk yang berkualiti terhasil dan ia dikaitkan dengan sesuatu kawasan, daerah, atau negeri tertentu.

Lazimnya, reputasi dan kualiti tinggi ini dipengaruhi faktor seperti tanah dan iklim setempat, serta kepakaran dan kesenian oleh penghasilnya. Di Malaysia, antara petunjuk geografi terkenal dan didaftarkan seperti Lada Sarawak, Songket Terengganu, Kek Lapis Sarawak, Halia Bentong, dan Harumanis Perlis.

Bagi Harumanis Perlis, statusnya sebagai petunjuk geografi disahkan Perbadanan Harta Intelek Malaysia pada 2011. Pemilik Berdaftar bagi petunjuk geografi ini adalah Jabatan Pertanian Negeri Perlis (JPNP).

Justeru, hanya JPNP berhak ke atas penggunaan nama petunjuk geografi itu. Menurut Seksyen 21 Akta Petunjuk Geografi 2000, penanam dan pengeluar setempat juga berhak untuk menggunakan nama berkenaan dalam aktiviti perniagaan dan pemasaran mereka.

Perlu juga dimaklumkan bahawa undang-undang ini sama sekali tidak menghalang mana-mana pihak yang ingin menanam mangga berkenaan di tempat selain Perlis.

Justeru, tiada isu monopoli dari sudut hak penanaman. Bagaimanapun, bagi situasi penanaman di luar Perlis, produk itu tidak boleh dipasarkan atau dijual dengan petunjuk geografi 'Harumanis Perlis'.

Ini kerana label 'Harumanis Perlis' memberikan satu indikasi kepada orang awam bahawa mangga berkenaan benar-benar ditanam di Perlis dengan standard dan piawaian tertentu, sehingga mampu menghasilkan berat dan rasanya yang premium.

Dalam kata lain, ia dapat dilihat sebagai satu jaminan tentang sumber pengeluaran. Atas dasar itu, undang-undang melarang penggunaan petunjuk geografi berkenaan bagi mana-mana mangga harumanis yang tidak ditanam di tempat yang diwartakan.



*Harumanis mempunyai nilai komersial bagi menjana ekonomi.* (Foto hiasan)

Antara sebab lain undang-undang petunjuk geografi digubal adalah untuk membantu pengeluar dan pengusaha produk di kawasan setempat.

Sekurang-kurangnya, mereka mempunyai sumber pendapatan sampingan, sekali gus dapat membantu industri kecil dan sederhana, di samping mempromosikan industri pelancongan setempat dan negeri.

Yang paling penting, ia untuk melindungi masyarakat awam daripada ditipu penjual yang cuba mengambil kesempatan daripada nama produk yang masyhur.

Situasi cap dagang dapat dijadikan sebagai perbandingan. Terdapat lambakan barangan yang dijual dengan tanda cap 'Adibas' bagi mengaburi mata pengguna. Situasi ini berlaku kerana wujud pihak yang suka menunggang kemasyhuran sesuatu produk dengan cara yang salah.

Begitu jugalah dengan perihal petunjuk geografi Harumanis Perlis. Ia bertujuan melindungi pembeli daripada ditipu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Akhir kata, diharapkan situasi Harumanis Perlis dapat lebih memberikan kesedaran kepada kita tentang undang-undang petunjuk geografi dan kepentingannya.

**Muhamad Helmi Muhamad Khair**
*Pensyarah Undang-Undang*
*UiTM Negeri Sembilan*

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | PNK Bintulu, Shopee partnership set to open sea of opportunities` for over 700 fishermen | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 06 Jul 2020 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 11 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 428 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,836 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 17,509 |






A screenshot of the PNK Bintulu online store on Shopee.

# PNK Bintulu, Shopee partnership set to open 'sea of opportunities' for over 700 fishermen

**BINTULU:** The Area Fishermen's Association (PNK) of Bintulu is collaborating with online marketplace Shopee to open up a 'sea of possibilities' for more than 700 local fishermen.

The association under the guidance of the Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM) now has its own official store on Shopee.

The PNK Bintulu store showcases various types of fishes such as stingray, 'ikan merah' (red snapper), 'jenahak' (golden snapper), 'tenggiri' (local mackerel), 'kerisi' (threadfin bream), 'demudok' (local trevally) and 'tongkol' (local tuna), as well as other seafood like tiger prawns, king white prawns and squids.

In this respect, PNK Bintulu said the livelihood of the local fishermen was adversely affected by Covid-19, in that the restriction period in force left them with distribution challenges as they had to stay at home as a way to curb further spread of the coronavirus.

"Therefore, this (PNK Bintulu-Shopee) effort is part of the nationwide initiative by LKIM via the National Fishermen's Association (Nekmat) to help 56,000 fishermen across the country by enabling the sales of fresh produce online to help recover their incomes and also to ensure that the supply would reach the people without it ever going to waste," it said in a statement.

In other words, it would market their catch via Shopee and thus, the fishermen here would no longer need to worry about any loss of income, said PNK Bintulu.

Moreover, the PNK Bintulu-Shopee collaboration could be the start of a long-term venture under a digital agriculture sector in Malaysia, as previously announced by Minister of Agriculture and Food Industry Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

"Apart from ensuring that the entire sector can be better prepared for more changes brought about by unforeseen circumstances in the future, farmers and fishermen are able to achieve self-sustainability after having learnt about ways to set up online stores and to sell (their produce) directly to customers," said PNK Bintulu.

It is informed that PNK Bintulu's delivery coverage spans every area up to Samalaju, within 50km radius from Kuala Tatau – it is projected that this would continue to expand over time.

All orders confirmed before 4pm would be delivered on the same day of processing – those confirmed after 4pm would be delivered the next day.

PNK Bintulu receives supplies of both fresh and frozen catch from fishermen every day and to maintain freshness, the frozen products would be sent to PNK Bintulu's cold storage at LKIM Bintulu Complex at Jalan Sungai Nyigu.

"PNK Bintulu would buy the supplies from the fishermen, but the priority would be given to PNK Bintulu members," it said, adding that the fishermen would be paid in cash upon landing their haul at LKIM Bintulu's jetty.

Meanwhile, in a statement, Shopee said in line with the government's call to ensure inclusivity for all, it would continue to 'stand in solidarity' with any government's effort to ensure that everyone would have a place in e-commerce, including farmers and fishermen.

"Since it (collaboration) has just been launched, we have yet to receive much feedback.

"PNK Bintulu strives to intensify the promotional activities for its online store on Shopee, including through other platforms like Facebook and WhatsApp," it added.

For more information, visit PNK Bintulu official store on Shopee via https://shopee.com.my/pnkbintulu.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2020 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI SELANGOR/ KL/PAHANG | 25 |

# 430 peneroka Felda Chini 1 tanam sayur

**PEKAN** - Seramai 430 penduduk Felda Chini 1 menyertai projek Taman Dapur dengan menanam pelbagai jenis sayur-sayuran di halaman rumah sejak tiga tahun lalu bertujuan mengurangkan kos sara hidup dengan menghasilkan sendiri bahan makanan yang diperlukan.

Pengurus Felda Chini 1, Mohd Shahrun Ismail berkata, projek berkenaan pada mulanya untuk kegunaan sendiri namun kini mampu dijual selain mengamalkan kaedah bertukar sayuran sesama penduduk.

Beliau berkata, bermodalkan hanya RM30 hingga RM50, peserta mampu membeli baja, benih dan racun serangga selain peralatan untuk berkebun.



Mohd Shahrun mengusahakan projek Taman Dapur dengan menanam pelbagai jenis sayur di rumahnya di Felda Chini 1.